

Sokongan rakyat diperlukan bantu KDN pertahan kedaulatan negara

Kedaulatan atau sovereignty membawa maksud kuasa tertinggi dimiliki sesebuah negara. Kedaulatan penting bagi mempertahankan kemerdekaan sesebuah negara daripada sebarang cubaan penjajahan.

Bagi mengekalkan kedaulatan negara, isu keselamatan nasional menjadi aspek penting mendasari segala keperluan rakyat. Berdasarkan tafsiran Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), keselamatan nasional adalah keupayaan sesebuah negara memelihara dan mempertahankan rakyatnya daripada anasir luar.

Pelaksanaan dasar, sama ada pada peringkat antarabangsa atau nasional, sering menitikberatkan aspek keselamatan dalam sesebuah negara sebagai satu daripada petunjuk utama.

Bagi peringkat antarabangsa, aspek keselamatan terangkum dalam matlamat kedua (kesihatan baik dan kehidupan sempurna) dan ke-16 (aman, adil dan institusi kukuh) dalam Matlamat Pembangunan Lestari SDG oleh PBB.

Bagi peringkat nasional pula, Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB2030), Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12), Dasar Keselamatan Negara (DKN) serta Dasar Keselamatan dan Ketenteraman Awam (DKKA) secara jelas meletakkan aspek keselamatan sebagai kayu ukur penting bagi meneliti pencapaian strategi yang ditetapkan.

Dalam konteks Malaysia, isu berkaitan keselamatan dan ketenteraman awam dipertanggungjawabkan serta di bawah bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri (KDN).

Aspek keselamatan merujuk keupayaan mengekalkan keamanan dalam negara. Ketenteraman awam pula merujuk kepada pewujudan rasa selamat dalam kalangan masyarakat.

Sebanyak sembilan agensi KDN terdiri daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM), Agensi Pengawatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Jabatan Imigresen (JIM), Jabatan Penjara, Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (RoS), Kawalan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESSCOM) dan Jabatan Sukarelawan (RELA) diberi mandat mengurus dan mengekalkan keselamatan dalam negara.

Situasi semasa menunjukkan keselamatan negara pada 'tahap selamat'. Berdasarkan dapatan beberapa kajian, prestasi Malaysia semakin memberangsangkan dalam menangani isu keselamatan.

Melalui statistik **Jabatan Perangkaan** dan PDRM, kedudukan Malaysia dilihat semakin baik dengan pengurangan jenayah indeks sebanyak 19.3 peratus pada 2021 berbanding 2020.

Perkiraan indeks ini memperlihatkan pengurangan kes jenayah kekerasan daripada 13,279 kes pada 2020 kepada 11,495 kes pada 2021. Jenayah membabitkan kerugian harta benda turut menyusut daripada 52,344 kes pada 2020 kepada 41,479 kes pada 2021.

Trend ini disokong kajian Indeks Keamanan Global (GPI), meletakkan kedudukan negara menokok daripada tangga ke-23 pada 2021 kepada tangga ke-18 pada 2022.

Kajian dalaman Institut Keselamatan Awam Malaysia (IPSON) turut menemukan Indeks Persepsi Keselamatan Malaysia (PSI) rakyat menjadi semakin baik iaitu peningkatan keseluruhan skor indeks 64.67 peratus pada 2021 berbanding 60.6 peratus pada 2020.

Isu kemasukan pendatang asing tanpa izin

Sabtu hari, pelbagai cubaan untuk menerobos masuk ke dalam negara berlaku di sana sini. Isu kemasukan pendatang asing tanpa izin (PATI) berlaku secara berterusan.

Kehadiran PATI sedikit sebanyak menimbulkan keresahan awam terhadap peningkatan risiko berlakunya jenayah. Hal ini diperlihatkan melalui dapatan kajian Indeks Keselamatan Sempadan Negara (IKSN) bagi Semenanjung mendapati 10,994 responden (91.2 peratus) meyakini pembabitan PATI dengan peningkatan kes jenayah.

Sebagai salah satu usaha membendung isu ini, satu inisiatif dilaksanakan KDN melalui JIM iaitu Program Rekalibrasi PATI dengan kerjasama strategik Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung serta beberapa agensi kerajaan lain bermula 16 November 2020 dan berakhir pada 30 Jun 2022.

Program ini mendapat sambutan menggalakkan, dengan 712,435 PATI mendaftar. Berdasarkan jumlah itu, 293,907 PATI dihantar pulang ke negara masing-masing melalui Program Rekalibrasi Pulang dan 418,528 PATI didaftarkan di bawah Program Rekalibrasi Tenaga Kerja.

Penyalahgunaan dadah dan substansial juga musuh negara tidak berkesudahan. Meskipun tangkapan bilangan penagih menunjukkan penurunan sebanyak 20.8 peratus, iaitu 20,643 orang pada 2020 berbanding 26,080 pada 2019, namun unjuran nisbah Pejabat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Dadah dan Jenayah (UNODC) meningkatkan kegusaran.

Dianggarkan bagi setiap penagih dikesan, terdapat tujuh lagi penagih tidak dapat dikesan. Selain itu, rampasan dadah terbesar direkodkan APMM pada 2020 dan 2021 iaitu masing-masing dua tan dadah dan Methamphetamine.

PDRM pula baru-baru ini menumpaskan sindiket dadah di Ampang, Selangor, membabitkan rampasan dadah jenis syabu bernilai RM50 juta.

Sementara itu, jenayah komersial dan jenayah siber menunjukkan peningkatan semakin ketara dan membimbangkan. Bagi jenayah komersial, jumlah kes meningkat daripada 28,406 kes pada 2020 kepada 32,114 kes pada 2021 (peningkatan 13.05 peratus).

Jenayah siber meningkat daripada 14,215 kes pada 2020 kepada 18,310 kes pada 2021 (peningkatan 28.81 peratus). Justeru, jalinan kerjasama dengan Interpol serta rakan strategik dalam dan luar negara mengupayakan PDRM untuk mencegah, menjelak dan membanteras jenayah komersial dan jenayah siber di Malaysia.

Sebagai contoh, perkongsian pintar PDRM dengan polis Korea Selatan, Taiwan dan Singapura membolehkan sindiket jenayah perjudian dalam talian, penipuan pelaburan dan pekerjaan ditumpaskan.

Hakikatnya, tugas menjaga dan memelihara keselamatan negara tidak seharusnya dibebankan kepada bahu agensi penguatkuasaan sahaja. Justeru, komitmen seluruh rakyat ditagih untuk turut serta dan bersama-sama menjaga keselamatan negara.

Program sosialisasi keselamatan adalah wadah terbaik memberikan kefahaman, meningkatkan kesedaran dan menggalakkan penyertaan masyarakat.

Menyedari situasi ini, KDN melancarkan program Kita Demi Negara, disempurnakan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hamzah Zainudin, pada 17 Mac lalu. Program ini membabitkan enam zon iaitu Zon Utara, Tengah, Selatan dan Timur di Semenanjung serta Zon Sabah dan Zon Sarawak.

Pengisian program ini membabitkan sesi pendengaran awam bersama Menteri Dalam Negeri, perkhidmatan kaunter, pertunjukan aset dan kemahiran pasukan penguat kuasa serta pameran keselamatan agensi KDN.

Program ini turut menyasarkan penyertaan masyarakat sebagai Sahabat KDN, berperanan mempromosikan inisiatif KDN dalam menangani isu keselamatan serta menarik penyertaan rakyat untuk bersama-sama menjaga keselamatan negara.

Hasil kajian dibuat terhadap program KDN Zon Utara di Batu Kurau, Perak pada 23 hingga 24 Julai lalu membuktikan program disediakan berupaya meningkatkan kefahaman, menimbulkan kesedaran dan menggantik penyertaan masyarakat terhadap kepentingan menjaga keselamatan negara.

Bertepatan dengan tema Hari Kebangsaan ke-65 'Keluarga Malaysia Teguh Bersama', seluruh rakyat diseru berganding bahu menjaga keselamatan dan ketenteraman awam serta menangkis sebarang ancaman anasir luar yang boleh menggugat keharmonian.

<https://www.bharian.com.my/rencana/lain-lain/2022/09/996437/sokongan-rakyat-diperlukan-bantu-kdn-pertahanan-kedaulatan-negara>